

| | | | |
|-------------|---------------------------------|------------|---------|
| Headline | Pelajari taktik kelab hoki luar | | |
| MediaTitle | Kosmo Ahad | | |
| Date | 23 Dec 2018 | Language | Malay |
| Circulation | 166,774 | Readership | 500,322 |
| Section | Sukan | Page No | 54 |
| ArticleSize | 197 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 15,336 | | |
| | | | |



PKS tidak gentar dengan kehadiran kelab dari China pada saingan MWHL musim depan sebaliknya nekad mempertahankan gelaran.

Pelajari taktik kelab hoki luar

KEHADIRAN pasukan jemputan dari China, Kelab Hoki Liaoning Infinite Space beraksi dalam kancang Liga Hoki Wanita Malaysia (MWHL) 2019 disambut baik ketua jurulatih PKS Uniten, Lailin Abu Hassan yang membimbing skuad itu menjuarai saingan musim lalu.

Lailin yang juga penolong jurulatih skuad hoki wanita negara, berasa gembira dengan perkembangan positif itu walaupun sedar peluangnya untuk mempertahankan kejuaraan liga musim ini dilihat sukar.

"Kehadiran kelab-kelab dari luar negara bagus kerana ia dapat meningkatkan tahap permainan hoki di Malaysia. Pemain-pemain muda



LAILIN ABU
HASAN

boleh menggunakan peluang ini mempelajari permainan daripada mereka.

"Jadi, dari sini kita boleh bandingkan pasukan-pasukan kita dengan kelab-kelab luar. Kalau kita dapat tarik pemain-pemain luar bermain sebagai import juga satu perkara bagus.

"Saya tidak pasti sama ada pasukan ini mempunyai pemain remaja atau senior kebangsaan China. Kalau ada pemain remaja pun sudah bagus kerana taraf sukan hoki wanita China amat tinggi," katanya.

Sementara itu, Lailin berkata, PKS Uniten tetap menyasarkan kejuaraan MWHL 2019 dan mara ke pentas final Piala Vivian May Soars 2019.